





## CONFERENCE PROCEEDINGS

# 6<sup>TH</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON LOCAL KNOWLEDGE 2016 (ICLK) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

*Local Wisdom: Universal Heritage*

27TH - 28TH JULY 2016  
ST GILES WEMBLEY, PULAU PINANG, MALAYSIA

ORGANIZED BY



IN COLLABORATION WITH



# **Peranan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) Dalam Memartabatkan Adab dan Adat Budaya Perkahwinan Melayu**

Siti Hawa M. S.<sup>1</sup>, Ariffin H.<sup>1,2</sup>

<sup>1</sup>*Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Pulau Pinang*

<sup>2</sup>*Peguambela & Peguamcara, Mahkamah Tinggi Malaya*

## **ABSTRAK**

Masyarakat Melayu amat menitikberatkan dan mengutamakan adab dan adat dalam kehidupan sehari-hari mereka. Setiap perlakuan masyarakat Melayu amat dipengaruhi dengan adab dan adat, terutama dalam sesuatu majlis yang besar dan penting seperti majlis perkahwinan. Adab dan adat majlis perkahwinan masyarakat Melayu bermula daripada proses perkenalan antara lelaki dengan perempuan, sehingga ke majlis merisik, upacara peminangan (atau bertunang), proses menjemput ke majlis kenduri perkahwinan, majlis akad nikah, upacara bersanding, dan majlis menjemput menantu. Namun, adab dan adat masyarakat Melayu seperti ini kian ditelan zaman dan tidak lagi diperlakukan pada masa ini dengan alasan bahawa adab dan adat ini remeh dan menyusahkan mereka. Justeru, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) berusaha memartabatkan kembali adab dan adat masyarakat Melayu khususnya dalam majlis perkahwinan sebagai suatu usaha untuk menyangkal bahawa adab dan adat masyarakat Melayu kini tidak lagi relevan. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini memberikan fokus terhadap usaha PSSCM memartabatkan semula adab dan adat majlis perkahwinan masyarakat Melayu dalam upacara majlis perkahwinan. Kertas Kerja ini juga mengkaji dari perspektif pengalaman upacara majlis perkahwinan pengamal ahli silat cekak sendiri, ikhtiar PSSCM dalam menghidupkan semula suasana majlis kenduri perkahwinan masyarakat Melayu daripada iringan pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan, upacara bersanding, kedudukan pasangan pengantin di singgahsana dan acara merenjis pasangan pengantin tersebut. Sekiranya adab dan adat ini dikenakan, pastinya budaya bangsa Melayu akan terus bersinar dan tidak ditelan zaman.

**Kata kunci:** *Peranan Silat Cekak, Adab, Adat, Majlis Perkahwinan, Masyarakat Melayu*

## **PENGENALAN**

Dalam masyarakat Melayu, kepentingan adat sangat diutamakan dalam kehidupan mereka, terutama dalam majlis perkahwinan [1]. Adat akan memainkan peranan dalam memastikan kelancaran sesebuah majlis tersebut. Perkahwinan bermaksud menyatukan hubungan antara lelaki dengan perempuan dalam satu ikatan yang sah. Ia akan menjadi lebih bermakna apabila sesuatu ikatan itu dilakukan dengan teratur menurut adab dan adat budaya Melayu [2]. Sebelum upacara majlis kenduri perkahwinan berlangsung, beberapa adat akan dilakukan antara kedua-dua pasangan lelaki dan perempuan termasuklah merisik dan meminang atau bertunang [3].

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) ialah sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan dengan misi perjuangan dan matlamat yang jelas untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai murni, jati diri dan semangat untuk memartabatkan adab dan adat budaya Melayu, termasuklah adab dan adat dalam sesuatu perkahwinan menurut budaya Melayu.